

Analisis Kosmo!

Tangani isu kepupusan haiwan liar di Malaysia

KIRA-KIRA tujuh dekad lalu, jumlah harimau malaya (*Panthera tigris jacksoni*) di negara ini dianggarkan mencecah sehingga 3,000 ekor.

Haiwan yang menjadi lambang Persekutuan dan logo beberapa syarikat korporat seperti Maybank dan Proton itu sememangnya unik kerana hanya ditemui di kawasan hutan di Semenanjung Malaysia seperti Pahang, Perak, Kelantan dan Terengganu.

Bagaimanapun, statistik Tabung Hidupan Liar Sedunia Malaysia (WWF Malaysia) pada tahun 2014 menunjukkan jumlahnya sekitar 250 hingga 340 ekor sahaja.

Turut mengalami nasib sama, ialah orang utan yang merupakan spesies primat dan lazim ditemui di sekitar Sabah dan Sarawak.

Difahamkan, sekitar tahun 1980-an dahulu populasi haiwan itu mencecah sehingga 20,000 ekor, namun berdasarkan sumber WWF Malaysia jumlahnya berkurangan kepada 11,000 ekor pada tahun 2004.

Terbaharu, spesies badak jawa pula dikatakan telah pupus sepenuhnya di negara ini seperti yang didebakkan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Hamim Samuri ketika merasmikan Seminar Biodiversiti 2017 di Seremban baru-baru ini.

Menurutnya, empat spesies hidupan liar lain iaitu badak sumatera, harimau malaya, tenggiling dan seladang turut berada di ambang kepupusan.

Menurut rekod senarai merah yang dikeluarkan oleh Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa, badak jawa atau juga dikenali sebagai badak raya telah pupus di Malaysia sejak tahun 1930-an.

Ketika ini, badak jawa hanya boleh ditemui di Taman Nasional Ujung Kulon, Pulau Jawa, Indonesia dan jumlahnya kini dianggarkan sekitar 45 hingga 60 ekor sahaja.

Dekan Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamed Zakaria Hussin berkata, realitinya badak jawa bukan satunya haiwan liar yang telah pupus di Malaysia.



Di Sebalik Isu Panas

Bersama
Oleh AMAR JAZLAN
MAD LELA

Katanya, burung merak hijau, burung upeh dan kucing batu juga dipercayai telah pupus selepas gagal dikesan di negara ini.

“Tidak mustahil, dalam tempoh beberapa tahun lagi, badak sumatera, harimau malaya,

tenggiling dan seladang turut lenyap berikutnya yang boleh diibaratkan seperti nyawa di hujung tanduk.

“Jika itu berlaku, ia akan menjelaskan ekopelancongan di Malaysia memandangkan hidupan liar merupakan antara daya tarikan utama pelancongan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Mohamed Zakaria, Malaysia sememangnya dikenali dengan keunikian dan kepelbagaiannya biodiversiti, namun malangnya ia semakin lenyap disebabkan sikap segelintir pihak tidak bertanggungjawab yang merompak dan mengambil hasil sumber yang ada.

“Disebabkan itu, kesedaran perlu ditanam sejak dari kanak-kanak agar masyarakat faham kepentingan melindungi hidupan liar ini daripada kepupusan,” katanya.

Berdasarkan sumber WWF Malaysia, pada masa ini kira-kira 59.5 peratus kawasan muka bumi di Malaysia masih diliputi

hutan.

Bagaimanapun, aktiviti pembukaan kawasan hutan dan perubahan guna tanah bagi tujuan pembangunan dilihat semakin membimbangkan terutama dalam tempoh 20 tahun lalu.

Difahamkan, bermula dari tahun 1983 hingga 2003, terdapat pengurangan hutan seluas 4.9 juta hektar di Malaysia yang menyamai empat kali ganda saiz Singapura atau purata 250,000 hektar setahun.

Mengulas isu tersebut, pensyarah kanan Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, Dr. Mohd. Yusoff Ishak ketika dihubungi *Kosmo!* berkata, penerokaan hutan dilihat sebagai faktor utama kepada kepupusan hidupan liar di Malaysia.

Ini kerana habitat sedia ada haiwan semakin mengecil sehingga menyukarkan ia membiak dan mencari makanan.

“Sebagai contoh, seekor harimau memerlukan sekurang-kurangnya 50 kilometer (km) persegi kawasan hutan manakala badak pula sekitar 30km persegi.

“Penerokaan yang berlaku menyebabkan habitat haiwan ini semakin mengecil sehingga memaksa ia berpindah ke habitat baharu atau mati kelaparan,” katanya.

Jelasnya, selain itu, aktiviti pemburuan juga antara punca kepupusan hidupan liar berikutnya permintaan tinggi terhadap organinya untuk dijadikan makanan eksotik atau ubat.

“Bayangkan tanduk badak sumbu mampu mencecah sehingga RM120,000 sekilogram di pasaran gelap.

“Selain itu, banyak lagi haiwan yang menjadi sasaran pemburu seperti tenggiling serta spesies primat seperti monyet dan unga-ka,” katanya.

ENJIT-ENJIT SEMUT

